

28 MAR 2002  
DPMMT-DINAR  
DPMMT SAMBUT BAIK SARANAN PENGGUNAAN DINAR EMAS

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Terengganu (DPMMT) menyambut baik cadangan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya dinar emas dijadikan mata wang untuk perdagangan antarabangsa.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, DPMMT berkata saranan ini harus disambut and difahami oleh semua pihak dan pelaksanaannya sewajarnya menjadi agenda utama negara memandangkan Malaysia sudah bersedia dengan mekanismenya.

Yang Di Pertua DPMMT Wan Mohd AlBakri Wan Mohd Noor menggesa semua pihak terutamanya negara-negara OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) agar memberi sokongan padu demi menjayakan matlamat ini.

Menurutnya, penggunaan dinar emas sebagai matawang untuk dagangan antarabangsa merupakan satu instrumen kewangan alternatif yang berupaya mengurangkan risiko spekulasi dan lebih praktikal penggunaannya kerana nilainya yang tidak perlu dilindungi.

Oleh itu, katanya, cadangan penggunaan dinar emas dilihat sebagai satu saranan yang amat tepat pada waktunya dan berupaya membantu ke arah pertumbuhan perdagangan dunia yang lebih stabil dan progresif.-- BERNAMA

SHO ZK